

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SEW212 - Mikroekonomi II

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A (60 markah)


Jawab Soalan 1 (No. 1 - 40). Tandakan pilihan jawapan anda di borang OMR. Jawapan OMR akan dikutip selepas 1½ jam.

Soalan 1

- (1) Harga apel dalam pasaran kompetitif ialah RM8 sekilo. Jika harga apel turun ke RM4 sekilo:
- (A) nilai VMP_L di industri apel akan turun
 - (B) nilai VMP_L di industri apel tidak akan dipengaruhi
 - (C) nilai VMP_L di industri apel akan naik
 - (D) nilai VMP_L di industri apel akan turun sebanyak 50%
 - (E) nilai MP_L di industri apel akan turun
- (2) Syarikat XYZ sedang menggunakan input K dan L untuk mengeluarkan output X. Diberi $MP_L = 2$, $MP_K = 8$, $W = RM8$, $r = RM32$. Firma tersebut membeli input-input dan menjual outputnya dalam pasaran-pasaran yang berkompertif. Hasil marginal firma tersebut pada output yang memaksimumkan keuntungan ialah:
- (A) RM2
 - (B) RM3
 - (C) RM4
 - (D) RM6
 - (E) tidak dapat dihitung

- (3) Sebuah firma yang menjual outputnya dalam pasaran yang tak kompetitif hanya menggunakan buruh sebagai input bolehubahnya. Paras penggunaan buruh pada ketika ini ialah paras yang konsisten dengan pemaksimuman keuntungan. Diberi kadar upah pada ketika ini ialah RM12 sejam dan output marginal input ialah 6 unit. Apakah hasil marginal daripada penjualan output?
- (A) RM6
 - (B) RM12
 - (C) RM0.50
 - (D) RM2
 - (E) tidak dapat dihitung
- (4) Kadar upah pekerja di industri kereta telah meningkat dua kali ganda antara tahun 1993 dan 1995. Daya pengeluaran pekerja dalam industri tersebut tidak berubah sepanjang masa ini. Di antara pernyataan-pernyataan berikut, yang manakah mungkin menjadi alasan untuk perkembangan kadar upah di industri kereta?
- (A) Penawaran pekerja di industri meningkat sepanjang masa tersebut.
 - (B) Penawaran kereta meningkat sepanjang masa tersebut
 - (C) Paras teknologi di industri kereta meningkat sepanjang masa tersebut.
 - (D) Pendapatan pengguna bertambah naik sepanjang masa tersebut.
 - (E) Harga input-input lain di industri kereta menjadi lebih murah.

Gunakan rajah berikut untuk No. 5 - 7.



- (5) Firma yang digambarkan di atas membeli inputnya daripada:
- (A) pasaran kompetitif dan menjual outputnya di pasaran tak kompetitif
 - (B) pasaran kompetitif dan menjual outputnya di pasaran kompetitif
 - (C) pasaran tak kompetitif dan menjual outputnya di pasaran tak kompetitif
 - (D) pasaran tak kompetitif dan menjual outputnya di pasaran kompetitif
 - (E) tiada satu pilihan yang sesuai

...3/-


- (6) Apabila 10 orang pekerja digunakan:
- (A) sumbangan pekerja ke 10 terhadap output adalah sifar
 - (B) sumbangan pekerja ke 10 terhadap kos adalah positif
 - (C) sumbangan pekerja ke 10 terhadap keuntungan adalah sifar
 - (D) sumbangan pekerja ke 10 terhadap hasil adalah negatif
 - (E) semua pernyataan di atas tidak benar
- (7) Jika hasil marginal pekerja yang ke 8 ialah RM2, output tambahan yang dikeluarkan oleh pekerja tersebut ialah:
- (A) 5 unit
 - (B) 10 unit
 - (C) 15 unit
 - (D) 22 unit
 - (E) tidak dapat dihitung

Gunakan butir-butir berikut untuk menjawab No. 8 - 12.

Sebuah firma membeli input dan menjual outputnya dari pasaran-pasaran kompetitif. Paras penggunaan buruh yang memaksimumkan keuntungannya ialah 12 orang. Pada paras penggunaan buruh tersebut, $VMP_L = RM20$, VAP_L ialah RM25.

- (8) Jumlah perbelanjaan firma terhadap input bolehubahnya ialah:
- (A) RM200
 - (B) RM245
 - (C) RM230
 - (D) RM240
 - (E) tidak dapat dihitung
- (9) Jumlah hasil firma ialah:
- (A) RM200
 - (B) RM300
 - (C) RM400
 - (D) RM350
 - (E) tidak dapat dihitung
- (10) Jumlah keuntungan firma tersebut ialah:
- (A) RM100
 - (B) RM75
 - (C) RM60
 - (D) RM50
 - (E) tidak dapat dihitung

- (11) Jika harga output firma ialah RM5 seunit, output purata (output seorang pekerja) ialah:
- (A) 13 unit
 - (B) 10 unit
 - (C) 8 unit
 - (D) 5 unit
 - (E) tidak dapat dihitung
- (12) Dalam kes ini sewa separa ialah:
- (A) RM100
 - (B) RM75
 - (C) RM60
 - (D) RM50
 - (E) tidak dapat dihitung
- (13) Dalam kes monopsoni-pasaran berkompitif, penggunaan input modal harus dikurangkan apabila:
- (A) $MFC_K > MRP_K$
 - (B) $MFC_K < VMP_K$
 - (C) $MFC_K > VMP_K$
 - (D) $MFC_K < MRP_K$
 - (E) $r > VMP_K$
- (14) Telitikan keluk di bawah.



Keluk ini menggambarkan keluk penawaran masa Cik Mat. Jika masa lapang dianggap sebagai barang bawahan, jelas bahawa:

- (A) masa lapang akan meningkat apabila pendapatan naik
- (B) kesan pendapatan melebihi kesan penggantian
- (C) kesan penggantian melebihi kesan pendapatan
- (D) kesan penggantian dan kesan pendapatan bergerak ke arah yang sama
- (E) (C) dan (D)

...5/-

(15) Dalam analisis kesan penggantian (akibat perubahan harga input).


- I. Pengeluar menghadapi harga-relatif baru.
- II. Amaun perbelanjaan tidak berubah.
- III. Penggunaan semua input bolehubah ditingkatkan.
- IV. Output yang lebih tinggi dikeluarkan.
- V. Cerun garis belanjawan berubah.

- (A) I, II, IV
- (B) I, III, V
- (C) II, III, V
- (D) III, IV, V
- (E) I, II, V

(16) Eksploitasi bermonopsoni dapat dihapuskan oleh langkah-langkah berikut kecuali:

- (A) menetapkan gaji minimum
- (B) meningkatkan mobiliti buruh
- (C) menambahkan bilangan majikan dalam industri yang berkenaan
- (D) memberi buruh latihan yang lebih umum
- (E) mencegah kuasa monopoli

Rujuk kepada rajah berikut untuk No. 17 - 20. Keluk ST mewakili penawaran tanah di Kuala Ketil. Tanah ini dianggap sesuai hanya untuk penanaman getah sahaja. Permintaan getah diberi oleh D_R .




(17) Perolehan pemilik tanah dikenali sebagai:

- (A) sewa ekonomi
- (B) sewa separa
- (C) pendapatan pindahan
- (D) sewa ekonomi tulen
- (E) sewa

- (18) Pendapatan pindahan tanah sekarang ialah kawasan:
- (A) efba
 - (B) abco
 - (C) edba
 - (D) oedc
 - (E) tiada satu pilihan yang sesuai
- (19) Katakan anggapan asal tak benar. Tanah boleh digunakan untuk tanaman kelapa sawit dan permintaan diberi oleh D_K . Pendapatan pindahan input tanah menjadi kawasan:
- (A) efba
 - (B) abco
 - (C) edba
 - (D) oedc
 - (E) tiada satu pilihan yang sesuai
- (20) Apabila tanah digunakan untuk kelapa sawit, sewa ekonominya ialah:
- (A) efba
 - (B) abco
 - (C) edba
 - (D) oedc
 - (E) tiada satu pilihan yang sesuai
- (21) Dalam model ekonomi $2 \times 2 \times 2$, syarat kecekapan alokasi input antara industri ialah:
- (A) $(MRS_{XY})_A = (MRS_{XY})_B = P_X/P_Y$
 - (B) $(MRS_{XY})_A = (MRS_{XY})_B$
 - (C) $MRT_{XY}_A = MC_X/MC_Y$
 - (D) $(MRTS_{LK})_X = (MRTS_{LK})_Y = w/r$
 - (E) $(MRTS_{LK})_X = (MRTS_{LK})_Y$

Untuk no. 22 - 25 rujuk kepada rajah berikut.



(22) Kedudukan di titik E digambarkan oleh syarat berikut:

- (A) $(MRS_{XY})_A = (MRS_{XY}) \neq P_X/P_Y$
- (B) $(MRTS_{LK})_X \neq (MRTS_{LK})_Y$
- (C) $(MRS_{XY})_A \neq (MRS_{XY})_B$
- (D) $MRT_{XY} \neq (MRS_{XY})_{A,B}$
- (E) $(MRS_{XY})_A \neq (MRS_{XY})_B \neq P_X/P_Y$

(23) Keluk kontrak $O_A GFO_B$ menunjukkan semua titik di mana:

- (A) alokasi input adalah cekap
- (B) alokasi output adalah cekap
- (C) alokasi campuran output adalah cekap
- (D) kalangan pengguna sudah mencapai keseimbangan am
- (E) kalangan pengeluar sudah mencapai keseimbangan am


(24) Pengerakkan dari titik E ke titik F:

- (A) akan merugikan satu pihak tetapi menguntungkan pihak kedua
- (B) akan menguntungkan kedua-dua pihak
- (C) tidak boleh berlaku tanpa mekanisma pasaran
- (D) akan dianggap sebagai satu kebaikan mengikut kriteria Pareto
- (E) (B) dan (D)

(25) Bentuk keluk kontrak ini menunjukkan bahawa:

- (A) $(K/L)_X > (K/L)_Y$
- (B) $(K/L)_X = (K/L)_Y$
- (C) $(K/L)_X < (K/L)_Y$
- (D) sukar ditentukan
- (E) tiada satu pilihan yang sesuai

Lihat rajah berikut untuk No. 26 - 27.



(26) Jelas bahawa di dalam ekonomi ini:

- (A) agihan input tidak cekap
- (B) agihan output cekap
- (C) agihan input cekap
- (D) komposisi output tak cekap
- (E) (B), (C) dan (D)

(27) Di dalam ekonomi ini:

- (A) kos mengeluarkan seunit Y tambahan melebihi apa yang disanggup bayar oleh pengguna
- (B) kos mengeluarkan seunit Y tambahan adalah kurang daripada apa yang disanggup bayar oleh pengguna
- (C) output Y harus dikurangkan lagi
- (D) (A) dan (C)
- (E) output X harus ditingkatkan lagi

Gunakan data berikut untuk No. 28 - 30. Tiga orang jiran mempunyai keluk permintaan sejenis barang awam di kampung mereka seperti berikut:

$$P_A = 150 - 12G$$

$$P_B = 200 - 20G$$

$$P_C = 50 - 8G$$

di mana G = unit barang awam dan P_A , P_B , P_C ialah harga yang ditawarkan oleh setiap jiran masing-masing. Kos marginal mengeluarkan barang awam ialah malar, sebanyak RM100.

(28) Jumlah barang awam yang optimum ialah:

- (A) 5.0 unit
- (B) 5.5 unit
- (C) 6.0 unit
- (D) 7.0 unit
- (E) 7.5 unit


(29) Jika B menjadi penumpang percuma, B akan menikmati sebanyak _____ unit, tanpa membuat sebarang pembayaran.

- (A) 5.0 unit
- (B) 5.5 unit
- (C) 6.0 unit
- (D) 7.0 unit
- (E) 7.5 unit

- (30) Faedah total yang dinikmati oleh B apabila ia menjadi penumpang percuma ialah:
- (A) RM200
 - (B) RM275
 - (C) RM350
 - (D) RM500
 - (E) tidak satu pilihan yang sesuai
- (31) Apabila kesan luaran positif penggunaan wujud dalam sebuah industri berkompetitif, output pasaran:
- (A) akan melebihi output cekap
 - (B) adalah kurang daripada output cekap
 - (C) adalah sama dengan output cekap
 - (D) dijual dengan harga yang lebih rendah daripada nilai sebenarnya
 - (E) (B) dan (D)
- (32) Cara mengurangkan kesan luaran negatif penggunaan ialah melalui:
- (A) pemberian subsidi kepada barang yang digunakan
 - (B) pengenaan cukai terhadap barang yang digunakan
 - (C) memberi subsidi untuk setiap unit yang tidak digunakan
 - (D) (B) dan (C)
 - (E) (A) dan (B)
- (33) Industri tekstil sedang mencemarkan air sungai di Kampung Indah. Pada output keseimbangan, kos marginal sosial (SMC) ialah RM22 dan kos marginal sendirian (PMC) ialah RM10. Kos luaran marginal (MEC) adalah tetap (konstan) pada semua kemungkinan output. Jika kerajaan ingin memastikan paras output yang cekap, kerajaan perlu:
- (A) dikenakan cukai sebanyak RM10 ke atas setiap unit output
 - (B) dikenakan cukai sebanyak RM22 ke atas setiap unit output
 - (C) dikenakan cukai sebanyak RM12 ke atas setiap unit output
 - (D) kadar cukai tidak dapat dianggarkan kerana MEC pada output yang optimum tidak diketahui
 - (E) tiada satu pilihan yang sesuai

- (34) Pak Kassim menternak kerbau dalam ladangnya. Baja kimia yang digunakan oleh beliau untuk rumput istimewa sedang mencemarkan air sebuah tasik kecil yang terletak di tengah ladang Pak Kassim dan mengakibatkan banyak ikan mati. Kes ini ialah contoh:
- (A) kesan luaran positif dalam pengeluaran
 - (B) kesan luaran positif dalam penggunaan
 - (C) kesan luaran negatif dalam pengeluaran
 - (D) kesan luaran positif dalam penggunaan
 - (E) tidak satu pilihan yang sesuai
- (35) Barang awam ialah barang yang:
- (A) dikeluarkan oleh sektor awam
 - (B) tidak dapat dikeluarkan oleh sektor swasta
 - (C) boleh digunakan oleh orang ramai (seperti telefon awam)
 - (D) boleh digunakan oleh ramai orang pada masa yang sama
 - (E) (B) dan (C)
- (36) Dalam pasaran insurans maklumat tak simetri wujud kerana:
- (A) pembeli dan penjual tidak mempunyai maklumat lengkap tentang risiko
 - (B) pembeli mempunyai maklumat yang lebih lengkap daripada penjual
 - (C) penjual mempunyai maklumat yang lebih lengkap daripada pembeli
 - (D) masalah bahaya moral
 - (E) agen insurans sentiasa menipu pelanggan mereka
- (37) Maklumat tak simetri di pasaran insurans akan:
- (A) menambahkan alokasi sumber untuk menginsuranskan mereka yang berisiko rendah
 - (B) mengurangkan alokasi sumber untuk menginsuranskan mereka yang berisiko tinggi
 - (C) mengurangkan alokasi sumber untuk menginsuranskan mereka yang berisiko rendah
 - (D) menambahkan alokasi sumber untuk menginsuranskan mereka yang tak minat
 - (E) menjadi alokasi sumber di industri insurans lebih cekap
- (38) Akibat maklumat tak simetri dalam pasaran barang terpakai:
- (A) harga berasingan untuk barang bermutu tinggi dan rendah akan wujud
 - (B) kebarangkalian membeli barang yang bermutu rendah, akhirnya, akan menghampiri 1
 - (C) kebarangkalian membeli barang yang bermutu tinggi, akhirnya, akan menghampiri 1
 - (D) kebarangkalian mendapati barang bermutu tinggi atau rendah menjadi lebih kurang 0.5
 - (E) tiada satu pilihan yang sesuai

(39) Lihat Kotak Edgeworth penggunaan yang berikut:



Pernyataan yang manakah tidak betul?

- (A) Titik A tidak berada di atas keluk kontrak penggunaan.
 - (B) Jika titik asal diberi oleh titik A, ada insentif untuk Ali dan Burhan untuk bergerak ke titik E.
 - (C) Kebajikan Ali dan Burhan tidak semestinya sama di titik E.
 - (D) Titik D boleh merupakan salah satu titik di atas keluk kontrak kedua-dua pengguna.
 - (E) Jika titik asal diberi oleh titik C, ada insentif untuk kedua-dua pihak untuk bergerak ke titik B.
- (40) Simen merupakan salah satu input dalam industri pembinaan rumah. Antara faktor-faktor yang berikut faktor yang manakah tidak ada kesan terhadap kedudukan permintaan simen?
- (A) kenaikan harga batu bata (bricks)
 - (B) kenaikan harga rumah
 - (C) kenaikan kadar upah pekerja pembinaan rumah
 - (D) kenaikan harga simen
 - (E) semua faktor di atas ada kesan terhadap kedudukan keluk permintaan simen

Bahagian B (40 markah)

Jawab DUA (2) soalan sahaja. Gunakan buku jawapan untuk bahagian ini.

Soalan 2

Sebuah syarikat pembinaan rumah menawarkan kadar upah sebanyak RM6 sejam kepada pekerja-pekerjanya. Pada kadar upah tersebut, pekerja “typical”nya menawarkan masa kerja sebanyak 8 hari sejam.

Syarikat tersebut ingin menggalakkan pekerjaanya berkerja lebih masa (iaitu, lebih daripada 8 jam sehari). Terdapat dua cadangan untuk mencapai tujuan ini.

- (i) Cadangan pertama ialah menaikkan kadar upah dari RM6 ke RM10 sejam untuk setiap jam yang ditawarkan oleh pekerja.
- (ii) Cadangan kedua ialah dengan penawaran kadar lebih masa (“overtime”) setinggi RM10 sejam. Ini bermakna pekerja akan menerima RM6 sejam untuk 8 jam pertama dan kadar RM10 sejam untuk setiap jam tambahan yang melebihi 8 jam.

Gunakan analisis keluk puas sama dan pilihan antara pendapatan (paksi menegak) dan masa lapang (paksi mendatar) untuk menentukan cadangan yang mana akan menjamin bahawa pekerja akan tawarkan masa kerja yang melebihi 8 jam sehari. Beri penjelasan ekonomi untuk pilihan anda.

(20 markah)

Soalan 3

- (a) Apakah maksud monopsoni? Bincangkan langkah-langkah yang boleh mengurangkan kuasa monopsoni.
- (b) Takrifkan eksploitasi bermonopsoni dan terangkan punca masalah tersebut. Dengan menggunakan rajah yang sesuai tunjuk kes gaji minimum yang tidak berjaya menghapuskan eksploitasi bermonopsoni seratus peratus.
- (c) Dalam satu rajah, bandingkan paras penggunaan buruh dan kadar upah majikan monopsoni dan majikan kompetitif. Apakah kesan monopsoni terhadap sewa ekonomi buruh?

(20 markah)

Soalan 4

- (a) Sebuah ekonomi mengandungi 2 industri X dan Y, dua pengguna A dan B dan dua jenis input L dan K. Jelaskan bagaimana faktor-faktor berikut akan menghalang pencapaian keseimbangan am di ekonomi tersebut.
- (i) Proses pengeluaran industri Y mencemarkan udara.
 - (ii) Industri X merupakan monopoli.
- (b) Katakan di kalangan pengeluar di sebuah model $2 \times 2 \times 2$, terdapat dua industri X dan Y yang memerlukan input buruh L dan modal K dalam proses pengeluaran masing-masing.

Pada asalnya industri X menggunakan kesemua unit L dan 0 unit K, manakala industri Y mempunyai 0 unit L dan kesemua unit modal. Peta isokuan kedua-dua industri tersebut berbentuk normal.

Lukis kotak pengeluaran dan kenalpastikan titik asal. Tandakan titik tersebut dengan E. Andaikan $(MRTS_{LK})_X \neq (MRTS_{LK})_Y$ pada titik tersebut. Lukis garis harga input (w/r) melalui titik E. Kemudian jelaskan bagaimana proses penyelesaian pasaran akan mencapai keseimbangan am dalam kalangan pengeluar.

(20 markah)

Soalan 5

- (a) Bincangkan konsep sewa-separa dan tunjuk keadaan di mana ianya boleh melebihi kos tetap, boleh jadi sama dengan kos tetap dan boleh jadi kurang daripada kos tetap.
- (b) Bolehkah sewa-separa menjadi negatif? Mengapa?
- (c) wujudkah sewa-separa dalam jangka panjang? Mengapa?
- (c) Katakan sebuah firma berkompitif sudah mencapai keseimbangan (jangka pendek). Output keseimbangan ialah 500 unit dan harga ialah RM20 seunit. Kos puratanya ialah RM22 seunit dan kos bolehubah purata ialah RM15 seunit. Hitung nilai sewa-separa, nilai kos tetap dan keuntungan/kerugian firma tersebut.

(20 markah)